



TEKS

KHUTBAH

NEGERI PAHANG

JULAI 2026

HARI KEPUTERAAN KDPB SULTAN PAHANG

31 JULAI 2026M | 16 SAFAR 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ

وَرَسُولَهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Bertakwalah kepada Allah ﷻ dengan sebenar-benar takwa, laksanakan segala perintah-Nya dan tinggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah ﷻ di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ

Marilah kita mensyukuri nikmat keamanan, kemakmuran, kestabilan dan kesejahteraan yang dikurniakan Allah ﷻ kepada negeri kita Pahang Darul Makmur di bawah pemerintahan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah. Sesungguhnya Islam mengajar umatnya supaya menghormati dan mentaati pemerintah (*Uhul Amri*) yang adil. Firman Allah ﷻ dalam Surah al-Nisa' ayat 59:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِنْ

تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ

الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ٥٩

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada Ulil-

Amri (orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan Rasul-Nya (Sunnah) jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

Demikian juga Rasulullah ﷺ menekankan ketaatan kepada pemimpin pada bukan perkara maksiat, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim:

عَلَى الْمَرْءِ الْمُسْلِمِ السَّمْعُ وَالطَّاعَةُ فِيمَا أَحَبَّ وَكَرِهَ، إِلَّا أَنْ يُؤْمَرَ بِمَعْصِيَةٍ،
فَإِنْ أُمِرَ بِمَعْصِيَةٍ، فَلَا سَمْعَ وَلَا طَاعَةَ

Yang bermaksud: “Wajib bagi setiap muslim patuh dan taat (kepada pemimpin) pada apa yang dia suka dan dia benci, selagi mana dia tidak diperintah melakukan maksiat. Sekiranya dia diperintah melakukan maksiat, maka tiada lagi kewajipan untuk patuh dan taat.”

Sidang Jumaat yang dimulihkan.

Dalam Perlembagaan Persekutuan, Raja-Raja Melayu adalah Ketua Negeri, Ketua Agama Islam dan pemelihara adat istiadat orang Melayu di negeri masing-masing. Institusi kesultanan dalam negara kita merupakan lambang perpaduan, kestabilan dan payung kepada agama Islam. Oleh yang demikian, Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan adalah juga Ketua Agama Islam yang menjadi pelindung dan bertanggungjawab memelihara kesucian agama, memperkasa syiar Islam dan menjaga kebajikan rakyat. Perkara ini bertepatan dengan maqasid syariah yang menuntut agar agama sentiasa dipelihara dan dipertahankan daripada sebarang ancaman.

Dalam sejarah, institusi Kesultanan telah memainkan peranan yang besar dalam menyebarkan Islam dan memelihara identiti bangsa. Bahkan istana merupakan tempat terawal dalam sejarah menerima kedatangan agama Islam di Tanah Melayu. Apabila raja-raja Melayu menerima Islam, maka sekalian hamba rakyat turut memeluk agama Islam. Tanpa raja, sejarah dan jati diri bangsa Melayu Islam pasti berbeza. Oleh sebab itu, memelihara kedaulatan institusi Kesultanan bererti memelihara salah satu benteng agama dan bangsa di negara ini.

Dalam konteks negeri Pahang, Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang merupakan seorang raja yang bersikap cermat dan sabar dalam membuat keputusan. Baginda banyak memainkan peranan dalam menjaga agama Islam dan memastikan perpaduan rakyatnya. Sebagai contoh, Baginda sering menitahkan agar rakyat di negeri ini supaya menunaikan solat berjemaah di masjid, sentiasa menjaga akidah dan berwaspada dengan pelbagai ancaman ajaran sesat. Baginda juga sering menyeru supaya rakyat bersatu padu dengan mengetepikan fahaman politik. Baginda prihatin kepada kebajikan rakyat khususnya mereka yang ditimpa bencana seperti banjir, kebakaran, kemalangan dan sebagainya.

Baginda dikenali sebagai raja yang gigih bekerja lebih-lebih lagi bercemar duli berangkat ke daerah dan pelosok kampung untuk mendekati rakyat daripada pelbagai lapisan. Maka tidak hairanlah, Baginda sekeluarga begitu disayangi seluruh rakyat jelata.

Sidang Jumaat yang dikasihi

Islam melarang umatnya daripada melakukan pemberontakan, hasutan dan perbuatan yang boleh menggugat kestabilan pemerintahan yang sah. Rasulullah ﷺ bersabda dalam

sebuah hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim yang bermaksud:

“Sesiapa yang taat kepadaku maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah. Sesiapa yang menderhaka kepadaku maka sesungguhnya dia telah menderhaka kepada Allah. Dan sesiapa yang taat kepada pemimpin maka sesungguhnya dia telah taat kepadaku, dan sesiapa yang menderhaka kepada pemimpin maka sesungguhnya dia telah menderhaka kepadaku.”

Akhir-akhir ini, kita melihat terdapat cubaan menghina atau merendah-rendahkan institusi raja dalam kalangan pengguna media sosial atau pihak tertentu. Ada yang mempermain-mainkan titah raja berkenaan isu-isu tertentu yang dilihat tidak kena dengan selera sesetengah pihak. Ada yang membuat hantaran jelek dan ada yang menyunting gambar raja-raja Melayu dalam bentuk yang mengaibkan semata-mata untuk melahirkan rasa marah atau tidak puas hati. Perbuatan seumpama ini amat tidak wajar sekiranya dilakukan oleh seorang rakyat atau warganegara. Sepatutnya, mereka yang terlibat dikenakan hukuman yang tegas termasuk dilucutkan kewarganegaraan kerana melanggar salah satu prinsip Rukun Negara iaitu “Kesetiaan Kepada Raja dan Negara”.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah ﷻ

Bersempena dengan ulang tahun keputeraan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang, marilah kita sama-sama berdoa semoga negeri kita ini sentiasa dilimpahi kemakmuran dan keamanan di bawah payung pemerintahan raja yang adil. Semoga Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang sentiasa dalam hidayah, taufik dan bimbingan Allah ﷻ dalam menjalankan tugas membangunkan dan memayungi negeri Pahang yang dicintai ini.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلِ اللَّهُمَّ مَلِكُ الْمُلْكِ تُؤْتِي الْمُلْكَ مَنْ تَشَاءُ وَتَنْزِعُ الْمُلْكَ مِمَّنْ تَشَاءُ

وَتُعِزُّ مَنْ تَشَاءُ وَتُذِلُّ مَنْ تَشَاءُ بِيَدِكَ الْخَيْرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.